

SMS tanda penghargaan kepada Dr. M, Pak Lah

UM 11 NOV 2003
KUALA LUMPUR 10 Nov. — Dataran Ganda Sdn. Bhd. dan iNavigate Sdn. Bhd. hari ini melancarkan kempen Sistem Pesanan Ringkas (SMS) penghargaan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Malaysia Kelima, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pengerusi program, Datuk Dr. Abdullah Fadzil Che Wan berkata, kempen tersebut dianjurkan bagi memberi peluang kepada rakyat Malaysia meluahkan penghargaan atas sumbangan dan jasa Dr. Mahathir selain mengalu-alukan Abdullah sebagai perdana menteri yang terbaru.

Jelas beliau, kempen tersebut juga dijalankan dengan

kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Starbucks Coffee dan BTV Production Sdn. Bhd.

“Kempen ini sememangnya wajar dilaksanakan sebagai menghargai 22 tahun kepimpinan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia yang telah berjaya membawa Malaysia ke mercu kejayaan.

“Selain itu, kita juga menganjurkan SMS daripada rakyat untuk Abdullah sebagai memberi sokongan untuk beliau terus memimpin negara,” katanya pada majlis pelancaran kempen tersebut di Mont Kiara Business Centre di sini hari ini.